



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 OGOS 2020 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRNAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

23 OGOS 2020 (AHAD)

Harga pelitup muka dijual serendah 70 sen

SUBANG – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhasrat meletakkan harga siling bagi pelitup muka tiga lapisan antara 70 sen hingga 80 sen setiap satu.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, bagi memastikan harga siling itu dilaksanakan, pihak kementerian memerlukan masa kira-kira sebulan bagi mengkaji perkara tersebut.

“Sekarang kita letakkan harga RM1 bagi satu pelitup muka tiga lapisan, tapi kita nak turunkan lagi. Kita akan buat kajian dulu tapi ia akan ambil masa sedikit.

“Buat masa ini kita bagi notis kepada peniaga bahawa kita akan turunkan lagi (harga siling). Kita lihat harga pelitup muka pada anggaran 70 sen atau 80 sen,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis pelancaran tapak jualan dan penempatan produk-produk buatan Malaysia serta perusahaan kecil dan sederhana tempatan di Hypermarket Mydin USJ di sini.

Hadir sama Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Wira Ameer Ali Mydin.

Alexander berkata, pihaknya kini mengamalkan dasar pintu terbuka kepada pemain industri bagi membantu mereka berdepan situasi pasca Perintah Kawalan Pergerakan.

“Saya dimaklumkan, industri mula menunjukkan kehadiran pengunjung seperti sebelum Covid-19 dan masyarakat umum dah turun pergi beli-belah dan sebagainya.

“Bagaimanapun, kita perlu menggerakkan lagi supaya kita boleh merancakkan ekonomi kita semula,” katanya.

KPDNHEP rampas 81 bungkus serbuk Milo, Nescafe tiruan

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas sebanyak 81 bungkus serbuk Milo dan Nescafe tiruan dalam satu serbuan di Shah Alam baru-baru ini.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, operasi ke atas sebuah premis di Shah Alam itu dilakukan hasil maklumat daripada orang awam.

“Pengadu (orang awam) mendakwa terdapat penjualan serbuk Milo dan Nescafe tiruan menerusi iklan dalam laman Facebook.

“Hasil risikan yang dijalankan mendapati, penjual menawarkan serbuk minuman itu pada harga yang rendah daripada pasaran,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Iskandar, pemeriksaan mendapati, kediaman yang diserbu itu digunakan sebagai tempat menyimpan stok barangan minuman tersebut.

Jelas beliau, kesemua barangan tersebut yang bernilai RM1,300 telah dirampas dan seorang wanita warga tempatan telah mengaku sebagai pemilik premis.



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP memeriksa bungkus berisikan serbuk Milo dan Nescafe dalam serbuan di Shah Alam baru-baru ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 5(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman jika suatu pertubuhan perbadanan boleh didenda sehingga RM250,000, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang

berikutnya, didenda tidak melebihi RM500,000.

Jika bukan suatu pertubuhan perbadanan, mereka yang didapati bersalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.



Senarai Harga Kawalan

Barang	Harga (RM/kg)
• Ayam	5.99
• Daging Lembu Tempatan	34
• Daging Lembu Import	20
• Telur Gred A (30 biji)	9.99
• Ikan Kembung	6
• Minyak Masak	5.20
• Gula Pasir	2.75
• Bawang Besar Holland	1.90
• Bawang Putih	3.20
• Cili Merah	6.90
• Kubis Bulat Tempatan	2.90
• Tepung Gandum	2.15

Sumber: KPDNHEP